

Ex-Angels masih menyengat

SERDANG (3 Sept) - Satu perlawanan ragbi diadakan di antara pemain UPM dan juara Plate Kejohaan Ragbi Antara Kelab Kebangsaan 2005, EX Angels di Padang Ragbi A UPM, sempena Majlis Sireh Pulang Ke Ganggang III.

Dengan tujuan untuk mengumpul semula semua alumni UPM bagi memperkuatkan hubungan dengan UPM melalui aktiviti sukan, Pasukan EX Angels diwakili bekas pemain kebangsaan dan negeri yang cemerlang dari era 1988 hingga 2003 seperti Nor Hazmin Chamili dan Khairul Nizam Khosim.

Perlawanan yang sengit menyaksikan pasukan Ex Angel menewaskan pasukan UPM yang dibarisi pemain kebangsaan bawah 19 tahun dan bekas pemain kebangsaan, Khairul Azhar Md. Nor. Pasukan itu mencatat mata 35 berbalas 28.

Perlawanan ragbi ini disaksikan oleh barisan Alumni UPM dari zaman Kolej Pertanian Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia bagi memberikan sokongan kepada pe-



Barisan pemain ragbi UPM dan Ex-Angels bergambar bersama selepas perlawanan.

main dari pasukan EX Angels.

Menurut Ketua pasukan EX Angels, Mohamad Nizam Nazarudin, perlawanan ini merupakan satu pemangkin bagi merapatkan hubungan di antara pemain pasukan UPM dan bekas pemain UPM pada era 80-an dan 90-an lagi.

Memandangkan para alumni UPM ini merupakan mereka dari golongan profesional seperti juruterma, ahli perniagaan, guru dan sebagainya, perlawanan ini membolehkan pemain UPM yang masih

belum bergraduat berpeluang beramah mesra dengan alumni.

Peluang ini boleh digunakan untuk bakal graduan berhubungan antara satu sama lain dan memudahkan mereka merebut peluang kerja apabila tamat belajar nanti.

Tambahnya lagi, EX angels juga mengharapkan alumni UPM yang sudah tidak aktif supaya menyertai semula pasukan EX Angels bagi merapatkan ukhuwah dan perpaduan antara mereka setelah sekian lama.